

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

27. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu dan menggalakkan para usahawan kecil di Pulau Pinang memandangkan perkembangan pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang?

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Penang Development Corporation (PDC) dan investPenang untuk membantu dan menggalak para usahawan kecil di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (a) Kemudahan pinjaman mikro kredit yang dikenali sebagai Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang, dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang. Skim ini diwujudkan dengan matlamat untuk membantu mewujudkan modal tambahan kepada usahawan dan anak muda Negeri Pulau Pinang. Pinjaman SPH ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM2,000.00 hingga maksimum RM25,000.00.

Peminjam mestilah berumur 18 hingga 60 tahun dengan tempoh bayaran balik antara 2 hingga 3 tahun. Sehingga Jun

2018, sejumlah RM14.77 juta telah diagihkan kepada 2,974 orang usahawan;

- (b) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama PDC dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. PDC telah bertindak bagi pihak Kerajaan Negeri sebagai pemberi pinjaman, pengutip dan pentadbir. Program ini diwujudkan untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan.

Peruntukan sebanyak RM750,000 sejak tahun 2015 sehingga Jun 2018 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC untuk mengendalikan proses pinjaman mikro kredit. Pinjaman sebanyak RM5,000 seorang telah diberikan kepada peminjam kali pertama bagi tempoh bayaran balik selama 2 tahun tanpa faedah. Bagi pinjaman seterusnya, faedah 8% setahun dikenakan kepada peminjam dan tempoh bayaran balik selama 2 tahun. Sehingga Jun 2018, sebanyak RM582,000 telah diagihkan kepada 110 orang peminjam usahawan tani;

- (c) Mempromosikan produk usahawan tempatan ke peringkat yang lebih tinggi. PDC bertindak sebagai agensi pelaksana telah menyelaras penyertaan usahawan-usahawan kecil dalam program-program jaringan perdagangan dan permadanan perniagaan bagi memberi peluang usahawan membina jaringan di peringkat tempatan dan kerjasama Wilayah IMT-GT (*Indonesia, Malaysia and Thailand Growth Triangle*), Dewan-Dewan Perniagaan, Persatuan Perdagangan dan Industri serta agensi-agensi Kerajaan Pusat. Antara program-program yang telah diadakan bagi mempromosikan produk-produk usahawan kecil adalah melalui program seperti *Penang International Halal Expo &*

Conference (PIHEC), Pekan Raya Sumatera Utara (Medan Fair), Phuket Andaman Halal For Tourism, World Halal Products Exhibition & Conference (World HAPEx), Halal Fiesta Malaysia (HALFEST), Muslim Worldbiz dan Kelantan-Linxia International Halal Expo (KELCHEF);

- (d) Melaksanakan program-program latihan keusahawanan seperti bengkel, seminar dan motivasi kepada usahawan-usahawan Pulau Pinang bagi memperkasakan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kefahaman keusahawanan dalam bidang pengurusan perniagaan supaya menjadi usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Sejak tahun 2008 hingga Julai 2018 terdapat sebanyak 98 program latihan keusahawanan telah diadakan dengan penyertaan seramai 4,074 orang usahawan kecil;
- (e) Menubuhkan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS (*SME Market Advisory, Resource & Training - SMART Centre*) bertujuan untuk memberi khidmat nasihat kepada para usahawan kecil mengenai maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan, contohnya permohonan lesen perniagaan, pendaftaran syarikat, insentif-insentif sedia ada dan sebagainya. Para usahawan yang ingin membangunkan perniagaan dengan pelaburan asing juga boleh menggunakan perkhidmatan penyenggaraan direktori atas talian (*online directory*), menyertai bengkel pembangunan keupayaan terutamanya topik mengenai industri 4.0 (*capacity building workshop*) dan juga sesi pepadanan perniagaan antara pelabur asing dan usahawan tempatan (*business matching/vendor day*) yang dianjurkan oleh pusat ini. Sejak penubuhannya dari Jun 2010, SMART Centre telah berjaya memberi khidmat nasihat kepada 1,113 kes/syarikat daripada pelbagai sektor industri, 72 bengkel pembangunan dan seminar telah dianjurkan serta lebih daripada 580 pasangan syarikat berjaya dipadankan dalam pepadanan perniagaan;

- (f) Pusat SME (SME Centre) menyediakan ruang operasi pada kadar sewa subsidi supaya usahawan dapat beroperasi dalam kawasan perindustrian. Bangunan SME Centre seluas 129,000 kaki persegi yang mula beroperasi pada bulan Oktober tahun 2012 mempunyai ruang sewaan yang memberi keutamaan kepada pemohonan daripada usahawan tempatan. SME Centre ini bertujuan untuk membantu para usahawan untuk meningkatkan status mereka dalam rantai nilai (*value chain*) melalui pengurangan kos perniagaan tahap awal mereka;
- (g) Perkampungan-perkampungan IKS (SME Villages) dibina di lokasi strategik seperti Batu Kawan dan Bukit Minyak membolehkan usahawan-usahawan kecil beroperasi berdekatan dengan sasaran pelanggan di kalangan kilang-kilang pelaburan asing. Tanah perindustrian seluas 150 ekar di Kawasan Perindustrian Batu Kawan telah dibangunkan sebagai perkampungan IKS. Para usahawan kecil boleh memilih bangunan siap bina atau plot kosong dalam kawasan tersebut untuk menjalankan perniagaan mereka. Selain daripada Kawasan Perindustrian Batu Kawan, perkampungan IKS juga dibangunkan di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak di mana bangunan-bangunan industri ringan disediakan untuk tujuan sewaan dan jualan kepada para IKS;
- (h) Penang i4 Seed Fund yang telah dilancarkan pada awal tahun 2018 menawarkan peruntukan berjumlah RM4 juta bagi usahawan peringkat “*start up*” berasaskan teknologi (*technopreneur*) yang berpotensi untuk mencapai tahap komersial; dan
- (i) @CAT di Wisma Yap Chor Ee menawarkan ruang kerja bersama (*co-working space*) dengan kadar sewa bersubsidi, penganjuran acara tech-komuniti dan bengkel (*tech community events and workshops*), peluang perniagaan melalui program pembangunan keusahawanan (*accelerator/entrepreneurship development programme*) dan

program-program lain seperti membantu IKS untuk menjalankan perniagaan e-dagang.